

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' SRI DR. SANTHARA**
[SEGAMAT]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di *Global Refugee Forum* yang akan diadakan di Geneva pada bulan Disember nanti, apakah rancangan Kerajaan untuk membuat ikrar/komitmen substantif berkenaan golongan pelarian dan pemohon suaka, sebagai satu langkah di bawah *Global Compact on Refugee* yang telah pun diiktiraf oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. *Global Refugee Forum* (GRF) akan diadakan di Geneva, Switzerland pada 17 – 18 Disember 2019. Persidangan ini dianjurkan bersama antara Kerajaan Switzerland dan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Pelarian (UNHCR) ini merupakan sebuah platform bagi semua Negara Ahli PBB untuk mengumumkan komitmen dan sumbangan setiap negara kepada isu pelarian selaras dengan komitmen yang telah dinyatakan sewaktu *Global Compact on Refugee* (GCR) pada tahun 2018 yang lalu. Komitmen yang disampaikan oleh Negara Ahli di dalam forum ini adalah bersifat tidak mengikat (*non-binding*), namun proses semakan semula akan dilaksanakan setiap empat tahun sekali.

2. Walaupun Malaysia bukan negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967, Malaysia secara statistiknya sedang menghoskan pelarian tertinggi di rantau Asia Tenggara dengan jumlah terkini adalah 177,806 individu berdaftar dengan UNHCR Kuala Lumpur meliputi 51,226 orang berstatus pemohon suaka dan 126,580 orang berstatus pelarian. 55.19% (98,133 orang) adalah terdiri daripada pelarian Rohingya.

3. Di dalam forum ini, Negara akan menyatakan komitmen untuk terus membantu pelarian dari aspek bantuan kemanusiaan, dasar-dasar semasa kerajaan mengenai pelarian, bantuan kesihatan, pendidikan dan perlindungan sementara di dalam negara. Malaysia juga akan menyatakan komitmen untuk melaksanakan penambahbaikan mekanisme pengurusan pelarian dalam negara yang kini sedang dilaksanakan oleh MKN, JPM serta agensi-agensi utama kerajaan yang lain.

4. Malaysia juga akan menggunakan platform forum ini juga untuk mengingatkan negara dunia yang lain, terutamanya kepada 142 buah negara yang menjadi negara ahli kepada kedua-dua Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 supaya memainkan peranan yang lebih proaktif dan mengotakan janji yang telah mereka ikrarkan sewaktu meratifikasikan kedua-dua instrumen tersebut. Konsep 'perkongsian beban' (*burden sharing*) dan solidariti masyarakat antarabangsa perlu diperkasakan secara bersama di peringkat global, dan bukannya hanya dibebankan kepada negara-negara yang bersempadan dengan negara konflik yang menjadi sumber kedatangan pelarian dalam isu membabitkan pelarian.

5. Selain itu, peranan dan sumbangan negara berdasarkan konsep 'perkongsian beban' ini melalui penubuhan Hospital Medan Malaysia (HMM) di Cox's Bazar, Bangladesh dalam membantu Bangladesh menguruskan pelarian Rohingya juga akan diketengahkan. Masyarakat antarabangsa akan dijemput untuk bersama-sama memberikan sumbangan sama ada di dalam bentuk dana, peralatan dan kepakaran dalam pengoperasian HMM tersebut.

Sekian, terima kasih.